

Jangkitan-jangkitan faraj yang lain

- Jangkitan-jangkitan ini bukan disebarkan melalui hubungan seks tetapi boleh menyebabkan perubahan pada lelehan faraj.
- **Bakteria Vaginosis** menyebabkan, lelehan faraj yang tipis dan berbau hanyir. Jika tidak dirawat terdapat sedikit risiko jangkitan pelvis dan masalah semasa mengandung. Ia dirawat dengan antibiotik oral.
- **Kandidiasis faraj (thrush)** adalah disebabkan oleh kulat yang menyebabkan kegatalan di faraj, kemerahan dan bengkak dengan lelehan faraj yang pekat dan berwarna putih-kekuningan. Ia dirawat dengan ubat anti-kulat.

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai jangkitan kelamin?

Jika anda fikir anda telah terdedah kepada jangkitan-jangkitan tersebut atau pernah mempunyai hubungan seks, sila melawat Klinik DSC untuk ujian kesihatan seksual.


Jika anda telah didiagnos dengan jangkitan kelamin, elakkan hubungan seks sehingga anda telah selesai rawatan. Bagi beberapa jenis jangkitan kelamin (seperti klamidia, gonorea, Trichomonas, sifilis), pasangan seks anda perlu dirawat juga sebelum anda menyambung semula aktiviti seksual.

Klinik khusus untuk wanita (Women's Clinic) juga disediakan di Klinik DSC. Ia menyediakan ujian saringan secara sulit, rawatan, pencegahan asas bagi kehamilan dan perundingan.

Nota lanjut

Kami telah cuba untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan maklumat terkini dalam risalah ini pada bukti dan pendapat perubatan semasa. Walau bagaimanapun, maklumat dan nasihat mungkin berbeza-beza dari sumber-sumber yang berbeza mengikut masa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berjumpa dengan doktor anda atau penasihat kesihatan anda.

Lokasi Kami



Klinik DSC

31 Kelantan Lane #01-16 S(200031)

Perkhidmatan Bas

23, 64, 65, 66, 67, 130, 139, 147, 857

Stesen MRT terdekat

Bugis (EWL/ DTL)
Farrer Park (NEL)
Jalan Besar (DTL)
Lavender (EWL)
Rochor (DTL)

HIV / STI maklumat berekod
6295 2944

HIV / STI Hotline
1800 - 2521324 (Pada waktu pejabat)

Buat temujanji bersama kami

Hubungi pusat temujanji di talian 6293 9648
atau email di apptdsc@nsc.com.sg

UNTUK MENGETAHUI INFORMASI KLINIK LEBIH LANJUT SILA LAWATI WWW.DSC-CLINIC.SG
ATAU DI FACEBOOK KAMI DI WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG

WOMEN AND STIs WANITA & JANGKITAN KELAMIN (Malay)

Apa itu Jangkitan Kelamin (STI)?

Jangkitan kelamin (STI) adalah jangkitan yang disebarkan dari seorang ke seorang yang lain melalui hubungan seks, sama ada melalui cecair badan yang dijangkiti atau hubungan secara langsung (sentuhan kulit).

Sesiapa yang ada dan telah mengadakan hubungan seks atau aktif secara seksual mungkin berisiko dijangkiti jangkitan kelamin.

Apakah tanda-tanda dan gejala-gejala?

Ramai wanita dengan jangkitan kelamin tidak mempunyai gejala. Walau bagaimanapun , jangkitan masih perlu dirawat. Jika anda mempunyai gejala-gejala, mereka boleh termasuk yang berikut :

- Lelehan faraj yang tebal,kekuningan/kehijauan atau mengandungi darah
- Gatal-gatal , bengkak atau kemerahan pada faraj / vulva
- Sakit di faraj / vulva semasa seks
- Sakit atau keinginan yang lebih kerap untuk membuang air kecil
- Lepuhan kulit, ketumbuhan yang tidak normal dan ulser di kawasan alat kelamin
- Sakit di bahagian bawah abdomen
- Pendarahan yang tidak normal seperti selepas seks

Jika anda mempunyai apa-apa gejala, atau tidak mempunyai gejala tetapi aktif secara seksual, atau rasa anda mungkin telah terdedah kepada jangkitan kelamin, sila berjumpa doktor.

Jangkitan kelamin yang lazim di kalangan wanita

Klamidia & Gonorea

- Kedua-duanya adalah jangkitan bakteria yang boleh menyebabkan lebih banyaknya lelehan faraj yang berwarna kekuningan atau pendarahan yang tidak normal.
- Walau bagaimanapun, kedua-dua jangkitan sering TIDAK menyebabkan gejala yang ketara sama sekali.
- Jika tidak dirawat, ia boleh membawa kepada jangkitan pelvis dan kemandulan atau merebak ke dalam darah (bagi gonorea) untuk menyebabkan penyakit yang lebih serius.
- Gonorea dan klamidia boleh dirawat dengan antibiotik.

Trichomoniasis

- Ia adalah disebabkan oleh protozoa (organisma kecil) dipanggil Trichomonas vaginalis.
- Wanita yang dijangkiti dengan Trichomonas tidak mempunyai gejala atau boleh mempunyai perubahan pada lelehan faraj atau gatal-gatal.
- Jika tidak dirawat, serviks boleh menjadi radang. Ia juga boleh menyebabkan komplikasi kehamilan.
- Trichomonas boleh dirawat dengan antibiotik.

Herpes kelamin

- Herpes kelamin adalah jangkitan virus yang disebabkan oleh Herpes simplex virus jenis 1 atau 2.
- Lepuh kulit dan ulser boleh membentuk pada kulit kelamin. Jenis 1 juga menyebabkan kudis sejuk pada bibir.
- Serangan keseluruhan boleh berterusan sehingga 1-3 minggu.
- Herpes kelamin boleh berulang tetapi episod yang kerap boleh dihalang dengan menggunakan ubat antiviral
- Melainkan jika seseorang itu mempunyai gejala herpes, jangkitan ini tidak diuji secara rutin.

Ketuat kelamin

- Ketuat kelamin adalah jangkitan virus yang disebabkan oleh Human Papillomavirus (HPV).
- Orang yang mempunyai HPV tidak mempunyai sebarang gejala atau mereka boleh mempunyai ketumbuhan kecil pada kulit, yang boleh meningkat dari segi saiz dan bilangan.
- Ketuat boleh dirawat dengan cecair nitrogen, penggunaan ubatan jenis cecair(solution). Kes-kes yang teruk mungkin memerlukan pembedahan untuk penyingkiran. Rawatan ulangan mungkin diperlukan bagi ketuat yang berulang, dan ini adalah biasa.
- Sesetengah jangkitan HPV boleh menyebabkan barah pangkal rahim atau kelamin.
- Vaksin boleh didapati untuk mencegah jangkitan HPV (ketuat dan kanser serviks).
- Calitan Pap atau Pap smear secara tetap (setiap 3 tahun dari umur 25 tahun) dinasihatkan untuk membantu mengesan perubahan awal yang boleh membawa kepada kanser serviks.

Sifilis

- Sifilis adalah jangkitan bakteria yang disebabkan oleh Treponema pallidum. Mereka yang dijangkiti Sifilis boleh mempunyai pelbagai tanda dan gejala.

Peringkat Permulaan	Peringkat Pertengahan	Peringkat Tertiri
Ulser tidak sakit pada alat kelamin	Ruam pada tangan, tapak kaki dan badan; ulser mulut; Keguguran rambut	Komplikasi jantung dan otak

- Selalunya, sifilis tidak mempunyai gejala dan hanya boleh dikesan melalui ujian darah.
- Sifilis boleh diubati dengan antibiotik, biasanya suntikan penisilin.

Hepatitis B

- Ini adalah jangkitan virus hati yang disebarkan melalui darah yang sudah dijangkiti dan cecair badan seksual.
- Ia boleh menyebabkan penyakit seperti flu dengan penyakit kuning atau tiada gejala ketara sama sekali. Kebanyakan orang pulih sepenuhnya daripada jangkitan walaupun ada yang mungkin menjadi pembawa jangka panjang virus dan boleh menjangkiti pasangan seks. Sebilangan kecil dari mereka pula mungkin akan mengalami penyakit hati.
- Vaksin boleh didapati untuk melindungi daripada jangkitan.

HIV

- HIV adalah virus yang menyebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan boleh disebarkan melalui darah yang dijangkiti dan cecair badan seksual.
- Pada mulanya, jangkitan HIV boleh menyebabkan tiada gejala sama sekali.
- Orang yang baru dijangkiti kadang-kadang mungkin mengalami penyakit seperti flu dengan demam, ruam, kelenjar bengkak di bahagian leher dan ketiak. Gejala boleh meningkat kepada demam, hilang berat badan, cirit-birit, berpeluh di waktu malam dan jangkitan jamur di mulut(thrush).
- Jangkitan-jangkitan lain di kulit boleh terjadi sebelum penyakit yang lebih serius dan AIDS bermula.
- Ubat-ubatan Anti-HIV disediakan untuk mengawal jangkitan. Rawatan awal membantu seseorang tetap sihat dan mencegah AIDS. Ia juga memanjangkan jangka hayat mereka yang hidup dengan HIV.